

Headline	NSTP bantu UPM martabat pertanian		Language	MALAY	
Date	15. Jan 2008		Page No	12	
Media Title	Berita Harian		Article Size	211 cm2	
Section	Nasional		Frequency	Daily	
Circulation	217991		Color	Full Color	
Readership	762968				



NSTP bantu UPM martabat pertanian

SERDANG: The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP) semalam menjalin kerjasama dengan Persatuan Alumni Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam usaha memartabatkan sektor pertanian negara menerusi sumbangan rencana yang bakal disiarkan dalam akhbar *Berita Harian* sekali seminggu.

Majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) disempurnakan oleh Ketua Pengarang Kumpulan NSTP, Datuk Hishamuddin Aun dengan Presiden Persatuan Alumni, Datuk Seri Syed Razlan Jamalullail dalam satu majlis di kampus UPM, di sini.

MoU itu disaksikan Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Dr Zulkifli Idris; Naib Canselor UPM, Prof Datuk Nik Mustapha Raja Abdullah; dan Pengarang Kumpulan Berita Harian Sdn Bhd, Datuk Manja Ismail.

Syed Razlan berkata, pihaknya berbesar hati apabila diberi peluang menyumbangkan rencana berkisarkan sektor pertanian negara, sekaligus dapat membantu pembaca terutama petani untuk berubah daripada pertanian tradisional kepada moden.

"Menerusi rencana ini, kami berharap ia dapat menyumbang ilmu terutama kepada pelajar sebagai siri bacaan dan bahan rujukan dalam bidang pertanian," katanya.

"Rencana yang ditulis ahli per-



METERAI PERJANJIAN: Hishamuddin (kanan) bersalam dengan Syed Razlan sambil diperhatikan Manja (dua dari kanan), Dr Zulkifli (tengah) dan Dr Nik Mustapha pada majlis menandatangani MoU antara Persatuan Alumni (UPM) dan NSTP, di Serdang, semalam.

satuan ini juga akan bertumpu kepada cara pertanian yang lebih sistematik dan kami akan cuba untuk menggunakan ayat yang mudah di-

fahami oleh semua peringkat pembaca," katanya.

Terdahulu, Dr Zulkifli turut melancarkan buku *50 Years of Mala-*

ysian Agriculture: Transformational Issues, Challenges and Future Direction terbitan Persatuan Alumni UPM.